

BAB EMPAT :

AMALAN TA'LIQ TAMBAHAN DALAM KALANGAN MASYARAKAT

IPOH.

4.1. Pengenalan.

Perbincangan dalam bab ini meneliti amalan ta'liq tambahan dalam kalangan masyarakat Ipoh yang pernah dikendalikan oleh Pegawai Tadbir Agama Ipoh. Pegawai Tadbir Agama Ipoh dipilih kerana sebahagian mereka pernah berhadapan dengan permohonan pasangan untuk membuat ta'liq tambahan ketika menjawat jawatan berkenaan. Penelitian ini tertumpu kepada pengendalian ta'liq berkenaan oleh salah seorang pegawai terlibat. Pegawai berkenaan dipilih melalui persampelan bertujuan. Melalui persampelan ini, pegawai berkenaan perlu memenuhi dua ciri iaitu pertama: pernah berhadapan dengan permohonan pasangan untuk membuat ta'liq tambahan dan kedua: mengendalikan ta'liq tambahan dengan sempurna iaitu dengan membantu pasangan merangka draf ta'liq berkenaan sehingga pegawai berkenaan menyerahkan kembali draf ta'liq tambahan yang telah dipersetujui secara bersama kepada pasangan sebagai bukti kewujudan ta'liq tambahan di antara mereka. Melalui kajian rintis yang dilakukan, terdapat tiga orang Pegawai Tadbir Agama Ipoh yang pernah berhadapan dengan permohonan berkenaan dari pasangan. Maklumat peribadi ketiga-tiga pegawai-pegawai berkenaan tidak dapat dinyatakan secara terperinci di sini bagi menghormati permintaan mereka dan diringkaskan seperti dalam jadual berikut:

Jadual 4.1. Senarai Pegawai Tadbir Agama Ipoh Dari 2004-2012.

Pegawai yang pernah bertugas sebagai PTAI	Tahun berkhidmat
Pegawai A	April 2004- Jun 2009
Pegawai B	Jun 2009 memangku jawatan PTAI. 2010- Dilantik memegang jawatan PTAI

Pegawai C	Penghujung 2010- Memangku jawatan PTAI dan seterusnya dilantik sebagai PTAI sehingga Jun 2012.
-----------	--

Hasil pertemuan pengkaji bersama ketiga-tiga pegawai berkenaan, pengkaji memilih untuk meneliti ta‘liq tambahan yang dikendalikan oleh pegawai C kerana pegawai berkenaan memenuhi kedua-dua ciri yang diletakkan dalam persampelan bertujuan. Hal ini kerana pegawai berkenaan pernah berhadapan dengan permohonan pasangan untuk membuat ta‘liq tambahan dan mengendalikan ta‘liq berkenaan bersama pasangan dengan membantu mereka merangka draf ta‘liq tambahan sehingga proses pembentukan ta‘liq berkenaan sempurna dengan penyerahan draf ta‘liq tambahan yang telah dipersetujui kepada pasangan. Pegawai C juga dipilih kerana pegawai A tidak pernah mengendalikan ta‘liq tambahan kerana pegawai berkenaan menolak permohonan pasangan untuk membuat ta‘liq berkenaan. Meskipun pegawai B pernah mengendalikan satu ta‘liq tambahan namun pegawai berkenaan tidak mengendalikannya sehingga sempurna kerana pasangan yang memohon untuk membuat ta‘liq berkenaan tidak hadir untuk melafazkan ta‘liq tambahan yang telah dirangka oleh pegawai B. Dengan yang demikian, draf berkenaan tidak dapat diserahkan kepada pasangan kerana suami masih belum melafazkan ta‘liq tambahan yang telah dirangka kepada isteri. Oleh itu, kajian ini tertumpu kepada penelitian terhadap pengendalian ta‘liq tambahan oleh pegawai C bersama pasangan. Selain itu, pengkaji turut mendapatkan pandangan Hakim Mahkamah Rendah Syariah Ipoh terhadap kandungan dokumen ta‘liq tambahan yang dibuat oleh pegawai berkenaan serta perlindungan yang mampu diberikan oleh ta‘liq tambahan kepada pasangan bagi mengukuhkan kajian ini.

4.2. Metode Kajian

Pengkaji melakukan empat temu bual bagi melengkapkan perbincangan dalam bab ini iaitu temu bual bersama Pegawai A, Pegawai B, Pegawai C dan Hakim Mahkamah Rendah Syariah Ipoh. Kesemua temu bual ini dibuat dalam bentuk temu bual semi berstruktur kerana ianya memudahkan pengkaji mendapatkan maklumat yang lebih lanjut terhadap jawapan yang telah diberikan oleh responden dan pengkaji tidak terikat sepenuhnya dengan soalan formal yang telah disediakan. Soalan temu bual dibentuk berdasarkan objektif kajian dan soalan ini diserahkan kepada pihak yang akan ditemu bual sebelum temu bual dijalankan. Butiran temu bual dicatatkan oleh pengkaji dan dibantu oleh alat perakam bagi responden yang membenarkan temu bual tersebut dirakamkan. Temu bual ini akan disalin semula dan salinan ini akan diserahkan kepada responden berkenaan untuk semakan semula. Responden akan menandatangani surat perakuan yang disediakan oleh pengkaji bagi mengesahkan maklumat yang telah diberikannya dalam temu bual yang telah dijalankan.

4.3. Analisis Data

Data-data temu bual ini dianalisis mengikut tema yang telah disusun oleh pengkaji. Tema ini dibentuk bagi menjawab persoalan serta objektif kajian ini. Analisis yang dibuat tertumpu kepada penjelasan terhadap pengendalian ta‘liq tambahan oleh pegawai C bersama pasangan. Selain itu, kandungan dokumen ta‘liq tambahan turut dijelaskan dan diperbincangkan bagi menilai kandungan dokumen berkenaan. Analisis ini turut menyenaraikan keseluruhan ta‘liq tambahan yang pernah dikendalikan oleh pegawai berkenaan sepanjang bertugas sebagai Pegawai Tadbir Agama Ipoh. Perlindungan ta‘liq tambahan kepada pasangan turut diteliti bagi menjelaskan kebaikan pelaksanaan ta‘liq berkenaan.

4.4. Latar Belakang Ta‘liq Tambahan Dalam Kalangan Masyarakat Ipoh.

Latar belakang ini bertujuan untuk menjelaskan perkembangan permohonan ta‘liq tambahan dalam kalangan masyarakat Ipoh bermula dari tahun 2004 sehingga tahun 2012 serta pendirian Pegawai Tadbir Agama Ipoh (PTAI) yang bertugas dalam tempoh tersebut terhadap permohonan ini. Perkembangan ta‘liq ini ditinjau menerusi pengalaman pegawai A, pegawai B dan pegawai C yang pernah berhadapan dengan permohonan berkenaan ketika bertugas sebagai Pegawai Tadbir Agama Ipoh.

Tidak dapat dinafikan bahawa permohonan ta‘liq tambahan dalam kalangan masyarakat Ipoh berkemungkinan telah wujud sebelum tahun 2004, namun hal ini tidak dapat dipastikan dengan jelas kerana pengamalan ta‘liq tambahan dalam kalangan pasangan tidak direkodkan dan disimpan secara rasmi oleh pejabat agama di sini sebagaimana pengamalan ta‘liq rasmi yang tercatat pada sijil pernikahan dan salinan sijil berkenaan disimpan di sini. Berdasarkan maklumat yang diperolehi melalui temu bual, permohonan ta‘liq tambahan oleh pasangan telah wujud ketika pegawai A mula bertugas sebagai Pegawai Tadbir Agama Ipoh di awal tahun 2004.¹ Menurut beliau, ta‘liq ini dipohon oleh isteri atau ahli keluarganya.² Kebanyakan ta‘liq ini dipohon setelah pihak suami terlibat dengan ketagihan dadah dan kehadiran orang ketiga.³

“Kebanyakan pasangan berhasrat untuk membentuk ta‘liq tambahan kerana menghadapi masalah ketagihan dadah oleh suami dan kewujudan orang ketiga dalam perkahwinan”

T1P2 (31-33)

Walaubagaimanapun, kesemua permohonan ini telah ditolak oleh pegawai A kerana pegawai berkenaan berpandangan ta‘liq tambahan akan mengikat kebebasan lelaki untuk

¹ Pegawai A (bekas Pegawai Tadbir Agama Ipoh dari April 2004 sehingga Jun 2009), dalam temu bual bersama penulis, 20 September 2012.

² Ibid.

³ Ibid.

bertindak sebagai suami dan ketidakpercayaannya terhadap suami dalam mematuhi ta‘liq yang telah dibuat.⁴ Hal ini berpunca dari sikap suami yang sering melanggar janji yang telah dibuat kepada isteri.

“Mengikat kebebasan untuk bertindak sebagai seorang suami.Tidak mahu suami mengikat janji kerana kecenderungan pihak suami untuk melanggar janji yang telah dibuat”

T1P2(18-20)

Pegawai berkenaan juga menjelaskan tindakannya menolak permohonan ini bertujuan untuk mengurangkan kadar perceraian kerana sebarang pelanggaran ta‘liq ini akan mensabitkan talaq.⁵ Selain itu, pegawai berkenaan berpendapat penguatkuasaan ta‘liq tambahan dengan mewajibkan suami untuk membuat ta‘liq ini menimbulkan isu kerelaan suami terhadap pelaksanaan ta‘liq tersebut.⁶

“pelaksanaan ta‘liq tambahan akan menimbulkan isu kerelaan pasangan dalam membuat ta‘liq tambahan”

T1P2(27-28)

Pegawai berkenaan juga menyatakan penguatkuasaan ta‘liq rasmi dan pembubaran perkahwinan yang telah termaktub dalam enakmen undang-undang keluarga Islam seperti cerai, khul‘ dan fasakh telah memberikan perlindungan yang secukupnya kepada isteri tanpa perlu kepada pembentukan ta‘liq yang lain.⁷

“Peruntukan ta‘liq sedia ada sudah memadai untuk melindungi isteri daripada teraniaya.Perlindungan seperti tuntutan khulu’,fasakh dan lain – lain sudah memadai”

T1P2 (24-26)

⁴ Ibid.

⁵ Ibid.

⁶ Ibid.

⁷ Ibid.

Permohonan pasangan untuk membuat ta'liq tambahan masih berterusan setelah pegawai B dilantik menjawat jawatan berkenaan pada pertengahan tahun 2009. Kenyataan ini diakui oleh pegawai B.⁸ Hal ini kerana pegawai berkenaan pernah menerima satu permohonan ta'liq tambahan namun tidak mengendalikannya secara lengkap bersama pasangan kerana pasangan berkenaan tidak hadir untuk melafazkan ta'liq tambahan yang telah dirangka oleh pegawai B. Pegawai berkenaan tidak dapat menyatakan secara tepat mengenai isu yang dimasukkan dalam ta'liq ini kerana jarak masa yang panjang dari kajian ini dibuat tetapi ianya membuktikan permohonan terhadap ta'liq ini terus wujud dalam kalangan pasangan. Pegawai berkenaan bersetuju untuk mengendalikan ta'liq tambahan kerana ta'liq ini melindungi isteri dari sebarang pengabaian suami melalui tuntutan isteri yang dikemukakan dalam ta'liq tersebut.⁹

“sebagai jalan keluar untuk menghentikan pengabaian hak dan kelalaian pasangan”

T1P3 (121-122)

Pegawai C pernah mengendalikan empat ta'liq tambahan bersama empat pasangan yang berasingan sejak dilantik sebagai Pegawai Tadbir Agama Ipoh pada tahun 2010.¹⁰ Tiga dari empat ta'liq tambahan berkenaan dibuat hasil cadangan pegawai berkenaan kepada pasangan manakala satu lagi ta'liq tambahan dibuat hasil permohonan pasangan kepada pegawai C.¹¹ Kesemua ta'liq berkenaan dibuat setelah berlaku permasalahan dalam kalangan pasangan selepas berlangsungnya perkahwinan. Kenyataan ini dapat dilihat melalui penceritaan masalah yang berlaku dalam kalangan pasangan sebelum ta'liq berkenaan dibuat. Bilangan ta'liq tambahan yang dikendalikan di sini adalah kecil. Pegawai C menjelaskan situasi ini berpunca dari pasangan yang tidak mengetahui

⁸ Pegawai B (bekas Pegawai Tadbir Agama Ipoh. Bermula pada Jun 2009 sebagai pemangku PTAI dan pada tahun 2010 dilantik memegang jawatan PTAI), dalam temubual bersama penulis 26 September 2012.

⁹ *Ibid.*

¹⁰ Pegawai C (penghujung 2010 dilantik sebagai pemangku PTAI dan seterusnya dilantik sebagai PTAI sehingga Jun 2012), dalam temubual bersama penulis 10 Julai 2012.

¹¹ *Ibid.*

mengenai ta'liq tambahan. Hal ini kerana kebanyakan ta'liq berkenaan dibuat hasil cadangan pegawai berkenaan kepada pasangan. Pegawai berkenaan bersetuju mengendalikan ta'liq tambahan bersama pasangan kerana beliau berpandangan ta'liq tambahan mampu melindungi hak dan kepentingan pasangan.¹²

Latar belakang ini menunjukkan hasrat pasangan yang berterusan untuk membuat ta'liq tambahan dan permohonan mengenainya sentiasa wujud. Ini memberikan isyarat yang jelas agar kewujudan ta'liq ini diberikan suatu ruang untuk dibincangkan demi kebaikan pasangan. Oleh itu kajian ini akan cuba membuka ruang perbincangan ta'liq tambahan dengan meneliti pengendalian ta'liq berkenaan oleh pegawai C.

4.5. Pendahuluan : Ta'liq Tambahan Menurut Pegawai.

Pendahuluan di sini bertujuan menjelaskan alasan pegawai C mencadangkan ta'liq tambahan kepada pasangan serta pandangan pegawai berkenaan terhadap peranan ta'liq tersebut dalam membantu penguatkuasaan ta'liq rasmi. Selain itu, pandangan pegawai berkenaan terhadap kewujudan ta'liq tambahan dalam enakmen keluarga Islam dan kepentingan ta'liq berkenaan dibuat secara bertulis turut diperjelaskan.

Ta'liq tambahan merupakan inisiatif dan usaha pensendirian pegawai berkenaan dalam membantu pasangan yang bermasalah kerana pengamalannya tidak diperkenalkan dan digazetkan secara rasmi oleh Majlis Agama dan Adat Istiadat Melayu.¹³ Pegawai berkenaan mencadangkan ta'liq tambahan kepada pasangan sebagai satu usaha menyelesaikan permasalahan yang berlaku antara mereka terutamanya dalam isu-isu yang

¹² *Ibid.*

¹³ *Ibid.*

melibatkan wanita.¹⁴ Hal ini kerana beliau berpandangan ta'liq tambahan dapat berperanan sebagai pelengkap kepada penguatkuasaan ta'liq rasmi.¹⁵ Penambahan tuntutan oleh pasangan terhadap isu-isu yang tidak dinyatakan dalam ta'liq rasmi dapat melengkapi penguatkuasaan ta'liq tersebut yang terhad kepada tiga isu utama iaitu isteri ditinggalkan suami, pengabaian nafkah isteri oleh suami dan sebarang kemudaratan oleh suami ke atas isteri. Tuntutan isteri ke atas suami untuk meninggalkan ketagihan judi dan dadah merupakan contoh penambahan terhadap ta'liq rasmi yang pernah dikendalikan oleh pegawai berkenaan.¹⁶ Penambahan tuntutan oleh pasangan bagi menyelesaikan permasalahan yang berlaku antara mereka turut disokong oleh Lynn Welchman, Ahmad Dahlan dan Firdaus Albar.¹⁷ Mereka berpandangan pasangan boleh menambah sebarang tuntutan yang tidak bertentangan dengan syarak dalam akad perkahwinan bagi menjamin hak dan kepentingan mereka.

Pegawai berkenaan berpandangan pengamalan ta'liq tambahan dibenarkan di bawah seksyen 50 EKIP 2004 iaitu¹⁸:

Perceraian di bawah ta'liq atau janji:

50. (1) Seseorang perempuan yang bersuami boleh, jika berhak mendapat perceraian menurut syarat-syarat perakuan ta'liq yang dibuat selepas berkahwin, memohon kepada Mahkamah untuk menetapkan bahawa perceraian yang demikian telah berlaku.¹⁹

Menurut pegawai berkenaan peruntukan di atas menyatakan sebarang ta'liq yang dibuat selepas perkahwinan samada ta'liq rasmi atau ta'liq tambahan boleh difaikkan ke mahkamah apabila berlaku pelanggaran ta'liq tersebut. Pandangan pegawai berkenaan

¹⁴ *Ibid.*

¹⁵ *Ibid.*

¹⁶ *Ibid.*

¹⁷ Lynn Welchman,Special Stipulations In The Contract Of Marriage:Law And Practice In The Occupied West Bank, *Recht van de islam* 11 (1994), 56, Ahmad Dahlan dan Firdaus Albar,Perjanjian Pranikah: Solusi Bagi Wanita,Jurnal Studi Gender dan Anak, YinYang, Vol. 3 | No. 1 | Jan-Jun 2008 | 145.,

¹⁸ Temu bual bersama pegawai C.

¹⁹ Seksyen 50, Enakmen Keluarga Islam Perak 2004 (En.6/04).

ditolak oleh Ahmad Ibrahim dan Raihanah Abdullah.²⁰ Hal ini kerana mereka menyatakan seksyen 50 ini merujuk kepada ta'liq rasmi yang dilafazkan oleh suami selepas akad pernikahan. Fadzlina dan Nora et al. mempertahankan pengamalan ta'liq tambahan dan mereka menjelaskan pengamalan ta'liq berkenaan boleh dibuat dan dibenarkan menerusi seksyen 22 Enakmen Keluarga Islam Wilayah Persekutuan²¹ :

(1) Selepas sahaja akad nikah sesuatu perkahwinan dilakukan, Pendaftar hendaklah mencatatkan butir-butir yang ditetapkan dan *ta'liq* yang ditetapkan atau *ta'liq* lain bagi perkahwinan itu dalam Daftar Perkahwinan.

Menurut Fadzlina, seksyen di atas memberikan ruang kepada pasangan untuk membuat ta'liq tambahan selepas akad perkahwinan apabila pendaftar dituntut untuk mencatat ta'liq lain dalam daftar perkahwinan.²² Oleh itu pengamalan ta'liq tambahan boleh dilaksanakan oleh pasangan tanpa halangan perundangan.

Pegawai berkenaan menjelaskan ta'liq tersebut dibuat secara bertulis dan segala butirannya direkodkan dengan jelas bertujuan membuktikan kewujudan ta'liq tambahan antara pasangan.²³ Menurut pegawai berkenaan, dokumen ta'liq tambahan yang dibuat secara bertulis dapat dijadikan bukti bagi menyokong permohonan isteri setelah pelanggaran ta'liq tersebut difailkan kepada mahkamah. Ini dapat membantu isteri dalam menuntut haknya di mahkamah dan mengelakkan isteri dari terjerumus dalam situasi yang dihadapi oleh kebanyakan wanita dalam membuktikan pengucapan ta'liq lisan oleh suami. Najibah mendedahkan pengucapan ta'liq lisan oleh suami sukar dibuktikan oleh isteri di

²⁰ Ahmad Mohamed Ibrahim, "Undang-Undang Keluarga Islam", dalam *Isu Syariah dan Undang-Undang*, ed. Jafril Khalil dan Abdul Basir Mohamad (Jabatan Syariah, Fakulti Pengajian Islam Universiti Kebangsaan Malaysia, 1999), 39., Raihanah Abdullah, "Perceraian dan Mahkamah Syariah", dalam *Wanita dan Perundungan Islam*, ed. Raihanah Abdullah (Selangor: Ilmiah Publishers Sdn Bhd, 2001), 103.

²¹ Nor Fadzlina Nawi, Ta'liq Agreement, 3., Nora Abdul Hak et al, "Right of Women to Obtain Divorce under Syariah and Islamic Law of Malaysia: with Special Reference of Ta'liq and Khulu," *Australian Journal of Basic and Applied Sciences* 11, no.6 (2012), 289.

²² Nor Fadzlina Nawi, Ta'liq Agreement, 3.

²³ Temu bual bersama pegawai C.

mahkamah disebabkan tiada sebarang dokumen bertulis yang membuktikan suami pernah mengucapkan ta'liq tersebut ke atas dirinya.²⁴

Oleh itu, ta'liq tambahan wajar diperkenalkan kepada pasangan demi menjaga hak dan kepentingan mereka. Hal ini kerana pasangan dapat menambah sebarang tuntutan yang tidak dinyatakan dalam ta'liq rasmi dan kewujudan ta'liq tambahan dapat dibuktikan kepada mahkamah. Situasi ini dapat membantu isteri bagi menuntut haknya apabila berlaku pelanggaran ta'liq tambahan. Oleh itu, pasangan mempunyai suatu ruang untuk menyatakan tuntutan mereka melalui ta'liq tambahan.

4.6. Pengendalian Ta'liq Tambahan.

Perbincangan pada bahagian ini menjelaskan proses pengendalian ta'liq tambahan pegawai C bersama pasangan. Hal ini kerana ta'liq berkenaan tidak mempunyai satu prosedur yang formal sebaliknya pegawai berkenaan bertindak sebagai pemudah cara dalam membantu pasangan membuat ta'liq tambahan sehingga sempurna.


Terdapat beberapa keadaan yang mempengaruhi pembentukan ta'liq tambahan. Keadaan ini dapat dibahagikan kepada dua iaitu: pertama, pembentukan ta'liq tambahan hasil nasihat dan cadangan pegawai kepada pasangan dan kedua, pembentukan ta'liq tambahan hasil cadangan ahli keluarga pasangan.²⁵ Penjelasan secara terperinci dalam dua situasi di atas akan dijelaskan seperti di bawah:

²⁴Najibah Mohd Zin, Perceraian dalam Undang-Undang Keluarga Islam., 122., Najibah Mohd Zin, "Pembubaran Perkahwinan dan Permasalahan yang Berbangkit" (Seminar Keperluan Manual Mengenai Undang –Undang Keluarga Islam, 8 .

²⁵ Lihat lampiran L, lampiran temu bual bersama pegawai C.

4.6.1. Pembentukan Ta‘liq Tambahan Hasil Nasihat Dan Cadangan Pegawai.

Rajah 4.1 Pengendalian Pembentukan Ta‘liq Tambahan Hasil Nasihat Dan Cadangan Pegawai.



Terdapat tiga ta'liq tambahan yang dibuat oleh pasangan hasil nasihat dan cadangan pegawai kepada mereka.²⁶ Berdasarkan rajah 4.1 di atas, proses ini bermula dengan kehadiran pasangan bertemu dengan pegawai berkenaan bertujuan mencari penyelesaian terhadap permasalahan yang mereka hadapi setelah kegagalan sesi runding cara atau kaunseling yang dikendalikan oleh Pejabat Agama Daerah Ipoh. Ta'liq tambahan merupakan jalan terakhir pegawai berkenaan dalam usahanya menyelamatkan perkahwinan pasangan kerana mereka bercadang untuk menfailkan perceraian di mahkamah akibat kegagalan mencari penyelesaian terhadap permasalahan yang berlaku. Cadangan pembentukan ta'liq ini diberikan oleh pegawai berkenaan kepada pasangan bertujuan memberi ruang kepada suami untuk mengubah sikapnya. Kenyataan ini dijelaskan oleh pegawai berkenaan dalam temu bual bersamanya:

“kaedah ta'liq ini bertujuan untuk memberi peluang kepada suami jika ada peluang kepada suami untuk ubah dan betulkan keadaan”.

T1P1 (154-155)

Pasangan seterusnya akan menceritakan permasalahan yang berlaku kepada pegawai berkenaan setelah bersetuju untuk membuat ta'liq tambahan. Permasalahan ini berpunca dari sikap buruk suami dan pengabaian tanggungjawabnya terhadap isteri secara berterusan. Hal ini dinyatakan oleh pegawai berkenaan dalam kenyataannya:

“Biasanya daripada pihak perempuan yang bermasalah.Dia kata dia tak tahan dengan suami”.

T1P1 (27-28)

Permasalahan ini akan diteliti oleh pegawai berkenaan dan pasangan diberikan pilihan samada menyerahkan pembentukan draf ta'liq tambahan kepada pegawai atau pasangan memilih untuk merangka sendiri draf tersebut. Dari tiga pembentukan ta'liq tambahan

²⁶ *Ibid.*

yang pernah dikendalikan, pegawai berkenaan telah membantu pasangan merangka dua draf ta‘liq tambahan dan satu lagi draf ta‘liq telah dirangka sendiri oleh pasangan.²⁷

Bagi pasangan yang memilih bantuan pegawai, pegawai berkenaan akan merangka draf ini dengan memasukkan tuntutan pasangan berdasarkan permasalahan yang berlaku antara mereka. Pasangan akan meneliti kembali dan berbincang sesama mereka mengenai kandungan draf ini selepas ianya disiapkan. Hal ini penting terutamanya kepada suami sebagai pihak yang akan melaksanakan tuntutan ini untuk menyatakan pandangannya terhadap kandungan draf ini.

Bagi pasangan yang memilih untuk merangka sendiri draf ini, pegawai berkenaan akan menyemak semula kandungan draf yang telah mereka disiapkan. Ini bagi memastikan kandungan draf tersebut tidak menganiaya mana-mana pihak. Ini ditegaskan oleh pegawai berkenaan:

“saya tengok ada yang tidak ini[tidak adil kepada mana –mana pasangan], saya akan beritahu”.

T2P1 (51-52)

Semakan ini juga dilakukan untuk memastikan pasangan memasukkan kenyataan ta‘liq seperti yang terkandung dalam ta‘liq rasmi iaitu “dan kemudian dia mengadu kepada Mahkamah Syariah dan jika sabit pengaduannya di sisi Hakim Syarie,dan dia memberikan kepada Mahkamah Syariah yang menerima RM 10.00 bagi pihak saya, maka pada ketika itu, tertalaq dia dengan talaq khul‘ ”.²⁸ Kenyataan ini penting kerana ianya menyatakan bahawa sebarang pelanggaran ta‘liq akan memberikan hak kepada isteri untuk membuat aduan kepada mahkamah syariah, sabitan cerai hanya boleh diputuskan oleh hakim syarie dan perceraian dalam bentuk khul‘ dengan bayaran RM 10.00 apabila sabit pelanggaran

²⁷ *Ibid.*

²⁸ *Ibid.*

ta'liq di sisi mahkamah. Pasangan akan berbincang mengenai kandungan draf yang telah disemak bagi mendapatkan persetujuan bersama terhadap kandungan draf tersebut.

Keseluruhan kandungan draf yang dipersetujui oleh pasangan samada bagi draf yang dirangka dengan bantuan pegawai atau draf yang dirangka oleh pasangan sendiri akan dilafazkan oleh suami kepada isteri di hadapan pegawai berkenaan. Hal ini bagi membolehkan ta'liq ini dikuatkuasakan ke atas pasangan. Pasangan akan menurunkan tandatangan masing-masing sebagai pihak yang terlibat melaksanakan ta'liq ini. Draf ini diakhiri dengan tandatangan pegawai berkenaan sebagai saksi kepada pembentukan ta'liq tambahan antara pasangan. Draf ta'liq yang dibuat secara bertulis serta lengkap dengan tandatangan pihak-pihak yang dinyatakan di atas dikenali sebagai dokumen ta'liq tambahan. Dokumen ini dibuat sebanyak tiga salinan dengan dua salinan diserahkan kepada pasangan iaitu satu salinan kepada suami dan satu salinan kepada isteri. Satu salinan dokumen ini akan disimpan oleh pegawai berkenaan sebagai rujukan dan bukti pengendalian ta'liq tambahan bersama pasangan terbabit.


Proses pembentukan ta'liq ini hanya akan dianggap sempurna apabila pasangan menerima akan dokumen ta'liq ini sebagai simpanan masing-masing. Hasil dari pembentukan ta'liq ini, suami akan terikat dengan tuntutan isteri seperti yang telah dinyatakan dalam dokumen ta'liq tersebut. Sebarang pelanggaran ta'liq akan memberikan isteri hak untuk mengadu kepada mahkamah syariah.

Hasil penelitian terhadap keseluruhan proses pengendalian di atas, pengkaji berpandangan proses yang diamalkan oleh pegawai berkenan dalam mengendalikan ta'liq tambahan dalam situasi di atas merupakan proses yang lengkap. Hal ini kerana proses ini merangkumi makluman pegawai berkenan terhadap permasalahan yang berlaku antara

pasangan melalui penceritaan mereka serta penyediaan draf ta'liq tambahan melalui bantuan pegawai berkenaan kepada pasangan. Selain itu, proses ini dianggap lengkap kerana ianya bebas dari sebarang unsur paksaan terhadap suami melalui perbincangan yang dibuat di antara pasangan setelah draf ta'liq tambahan disiapkan. Hal ini kerana kerelaan suami merupakan unsur yang penting dalam memastikan keabsahan pembentukan ta'liq ini. Proses suami melafazkan kandungan draf ta'liq tambahan dan penyerahan dokumen berkenaan kepada pasangan merupakan penyempurnaan terhadap pembentukan ta'liq tambahan. Hal ini kerana ta'liq tambahan berkuatkuasa ke atas pasangan setelah suami melafazkannya dan penyerahan dokumen berkenaan kepada pasangan membuktikan kewujudan ta'liq berkenaan antara mereka. Oleh itu, ta'liq tambahan mempunyai suatu gambaran prosedur pengendaliannya apabila pegawai tadbir agama daerah berhadapan dengan situasi yang sama.

4.6.2. Ta'liq Tambahan Hasil Cadangan Ahli Keluarga Pasangan.

Rajah 4.2 Ta'liq Tambahan Hasil Cadangan Ahli Keluarga Pasangan.



Pegawai berkenaan pernah mengendalikan satu ta‘liq tambahan hasil cadangan ahli keluarga isteri kepada pasangan.²⁹ Cadangan ini diberikan bagi menyelesaikan permasalahan yang berlaku antara pasangan. Selain memberikan cadangan, ahli keluarga berkenaan juga turut mengambil inisiatif membantu pasangan merangka draf ta‘liq tambahan sehingga sempurna. Berdasarkan kepada rajah 4.2, proses ini bermula dengan pertemuan pasangan bersama pegawai berkenaan hasil cadangan ahli keluarga isteri. Dalam pertemuan tersebut, pasangan memohon untuk membuat ta‘liq tambahan dengan membawa bersama draf ta‘liq tambahan yang telah disiapkan.

Pegawai berkenaan menerima permohonan pasangan dan semakan terhadap kandungan draf ta‘liq dibuat bagi memastikan tuntutan yang dimasukkan dalam draf ini tidak menganiaya mana-mana pihak. Selain itu, semakan ini bertujuan untuk memastikan kenyataan dalam ta‘liq rasmi seperti yang dijelaskan sebelum ini dimasukkan diakhir draf tersebut.

Suami kemudiannya diminta oleh pegawai berkenaan untuk menyatakan pandangannya terhadap tuntutan yang terkandung dalam draf ta‘liq tambahan selepas semakan dibuat. Ini bertujuan untuk mengetahui pendirian suami samada menerima atau menolak tuntutan yang dikemukakan oleh isteri ke atas dirinya. Persetujuan suami terhadap tuntutan tersebut merupakan aspek utama dalam menentukan keabsahan ta‘liq tambahan yang dibuat antara pasangan. Sebarang komentar dari suami akan dibincangkan bersama pasangan sehingga persetujuan terhadap keseluruhan draf ta‘liq ini dicapai.

²⁹ *Ibid.*

Keseluruhan isi kandungan draf yang dipersetujui ini akan dilafazkan oleh suami kepada isteri di hadapan pegawai berkenaan. Pasangan akan menandatangani draf ini sebagai pihak yang terlibat dalam ta'liq ini. Draf ini diakhiri dengan tandatangan pegawai berkenaan sebagai saksi kepada ta'liq tambahan. Tiga salinan dokumen ta'liq tambahan akan dibuat dengan dua salinan dokumen ini akan diserahkan kepada pasangan iaitu satu salinan untuk suami dan satu salinan untuk isteri. Satu salinan akan diserahkan kepada pegawai berkenaan sebagai simpanannya. Ta'liq ini dianggap selesai setelah pasangan menerima salinan dokumen tersebut untuk simpanan masing-masing.

Berdasarkan penelitian terhadap proses pengendalian di atas, pengkaji berpandangan proses yang diamalkan oleh pegawai berkenaan dalam berhadapan dengan situasi berkenaan merupakan proses yang baik. Hal ini kerana pegawai berkenaan telah mengendalikan permohonan pasangan sehingga sempurna melalui penyerahan dokumen ta'liq tambahan kepada pasangan. Pengkaji mencadangkan agar pihak berkuasa menyediakan satu format khusus dan seragam untuk ta'liq tambahan. Format ini dapat memudahkan pasangan mengetahui butiran maklumat yang perlu dimasukkan dalam draf ini sebelum mendaftarkan ta'liq ini kepada pihak berkenaan. Selain itu, pasangan tidak perlu bimbang mengenai penerimaan dokumen ini oleh pihak mahkamah kerana format berkenaan dibuat menepati kehendak undang-undang .

Kesimpulannya dari dua situasi ta'liq tambahan di atas, pegawai berkenaan dilihat bersifat terbuka dalam membantu pasangan membuat ta'liq tambahan. Ini dapat dilihat melalui tindakan pegawai berkenaan yang membantu pasangan merangka draf ta'liq tambahan dan melakukan semakan terhadap draf yang dibawa oleh pasangan. Keterbukaan pegawai

berkenaan wajar dilihat sebagai suatu sikap yang baik dalam memenuhi kehendak dan tuntutan yang menjamin kebaikan pasangan.

4.7. Dokumen Ta‘liq Tambahan

Ta‘liq tambahan didokumenkan secara bertulis oleh pegawai berkenaan bertujuan untuk membuktikan kewujudan ta‘liq berkenaan kepada mahkamah. Kandungan dokumen ini disusun berdasarkan rujukan pegawai berkenaan terhadap catatan ta‘liq rasmi yang terdapat dalam sijil perakuan nikah.³⁰ Selain itu, pegawai berkenaan turut memasukkan nombor kad pengenalan pasangan serta tandatangan mereka dalam dokumen tersebut.³¹ Penyusunan kandungan dokumen ini dilakukan kerana tiada satu garis panduan rasmi berkaitan kandungan dokumen ta‘liq tambahan dikeluarkan. Perbincangan ini bertujuan memaparkan kandungan dokumen berkenaan sebagai panduan kepada pasangan yang berhasrat untuk melaksanakan ta‘liq ini. Dalam perbincangan ini, pengkaji turut memasukkan pandangan Hakim Mahkamah Rendah Syariah Ipoh terhadap perkara-perkara utama yang perlu dinyatakan dalam dokumen tersebut. Hal ini bertujuan untuk menilai kandungan dokumen yang telah diamalkan oleh pegawai berkenaan supaya pihak mahkamah menerima dokumen ini sebagai bukti kewujudan ta‘liq tambahan antara pasangan.

Hakim berkenaan menjelaskan dokumen berkenaan mengandungi nama serta nombor kad pengenalan pasangan sebagai pihak yang terlibat dalam ta‘liq tambahan.³² Tuntutan isteri ke atas suami merupakan perkara utama yang dinyatakan secara jelas dalam dokumen

³⁰ *Ibid.*

³¹ *Ibid.*

³² *Ibid.*

berkenaan.³³ Selain itu, kenyataan yang terkandung dalam ta‘liq rasmi dimasukkan sebagai sebahagian dari kandungan dokumen berkenaan.³⁴ Kenyataan ini menyatakan sebarang pelanggaran ta‘liq tambahan yang dinyatakan dalam dokumen berkenaan akan memberikan hak kepada isteri untuk membuat aduan kepada mahkamah syariah dan sabitan cerai hanya boleh diputuskan oleh hakim syarie. Pembubaran perkahwinan melalui khul‘ dengan bayaran RM 10.00 akan disabitkan apabila hakim mensabitkan pelanggaran tersebut.³⁵ Dokumen ini diakhiri dengan tandatangan pasangan serta tandatangan pegawai berkenaan yang berperanan sebagai saksi.³⁶ Tarikh turut dimasukkan bagi menyatakan masa dokumen berkenaan dibuat.³⁷ Gambaran lengkap kandungan dokumen ini adalah seperti di bawah.³⁸

Saya (nama suami) dengan nombor kad pengenalan..... dengan ini berta‘liq ke atas isteri saya (nama isteri)..... dengan nombor kad pengenalan, bahawa :

- I. Jika saya kembali mengambil dadah kembali, atau
- II. Saya kembali minum arak

Dan kemudian dia mengadu kepada Mahkamah Syariah dan jika sabit pengaduannya di sisi Hakim Syarie, dan dia memberikan kepada Mahkamah Syariah yang menerima RM 10.00 bagi pihak saya, maka pada ketika itu, tertalaq dia dengan talaq khul‘.

Tandatangan suami:

.....
(nama suami)

Tandatangan Isteri :

.....
(nama isteri)

Tarikh :

Dibuat di hadapan pendaftar
Tandatangan pendaftar:

³³ *Ibid.*

³⁴ *Ibid.*

³⁵ *Ibid.*

³⁶ *Ibid.*

³⁷ *Ibid.*

³⁸ *Ibid.*

Menurut Tuan Mohamad Esham, dokumen ta‘liq tambahan yang dihasilkan oleh pegawai berkenaan merupakan sebuah dokumen yang baik namun masih perlu kepada penambahbaikan. Beliau menjelaskan kandungan dokumen ini disifatkan baik kerana kandungannya menyatakan pihak yang terlibat dalam ta‘liq ini melalui catatan nama pasangan,nombor kad pengenalan serta tandatangan mereka.³⁹ Hal ini penting bagi mengelakkan penafian pihak yang disebutkan dalam dokumen ini bahawa mereka pernah membuat ta‘liq tambahan. Selain itu, beliau menyatakan tuntutan isteri ke atas suami dalam dokumen ini perlu dinyatakan dengan jelas.⁴⁰ Hal ini bagi membuktikan kewujudan tuntutan berkenaan di antara pasangan dan suami perlu mematuhi tuntutan berkenaan selepas ta‘liq tambahan dilafazkan. Tuan Mohamad Esham juga bersetuju dengan tindakan pegawai berkenaan yang memasukkan kenyataan yang terkandung dalam ta‘liq rasmi.⁴¹ Menurutnya kenyataan ini penting bagi melindungi isteri. Perlindungan ini akan dibincangkan dengan lebih lanjut dalam perbincangan selepas ini. Beliau menambah tarikh ta‘liq tambahan dibuat perlu dinyatakan dalam dokumen ini bagi menjelaskan tempoh masa dokumen tersebut dibuat.⁴² Hal ini penting bagi mengelakkan penafian pihak yang terlibat mengenai masa ta‘liq tersebut dibuat.

Tuan Mohamad Esham menyatakan dokumen ini memerlukan penambahbaikan. Menurut beliau sesebuah dokumen memerlukan kepada penyaksian dua orang saksi bagi memenuhi ketetapan seksyen 56 (1) Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah Perak 2004 iaitu:⁴³

- (1) Jika orang yang menyempurnakan sesuatu dokumen menafikan tulisan pada atau tanggungan yang diwujudkan dalam dokumen itu, maka tulisan dan penyempurnaan dokumen itu hendaklah dibuktikan oleh sekurang-kurangnya dua orang saksi kepada dokumen itu.

³⁹ Tuan Mohammad Esham Abd Samad (Hakim Mahkamah Rendah Syariah Ipoh) dalam temu bual dengan penulis, 2 Oktober 2012.

⁴⁰ *Ibid.*

⁴¹ *Ibid.*

⁴² *Ibid.*


⁴³ *Ibid.*

Menurut enakmen ini, dua orang saksi diperlukan untuk menandatangani dokumen berkenaan. Hal ini bagi menjadikan dokumen berkenaan sebagai bahan bukti yang kukuh dan tidak dapat dipertikaikan oleh pihak yang lain. Meskipun begitu, dokumen yang disusun oleh pegawai berkenaan masih boleh dibawa ke mahkamah bagi menyokong permohonan isteri apabila berlaku pelanggaran ta'liq tambahan oleh suami.

Kandungan dokumen ta'liq tambahan yang disusun oleh pegawai berkenaan perlu disemak kembali. Hal ini bertujuan untuk menjadikan dokumen tersebut sebagai bahan bukti yang kukuh menurut undang-undang bagi membuktikan kewujudan ta'liq tambahan di antara pasangan. Oleh itu, pengamal undang-undang disaran untuk menyediakan satu format rasmi berkaitan kandungan ta'liq tambahan bagi memudahkan pasangan membuat ta'liq berkenaan.

4.8. Isu-Isu Yang Dimasukkan Dalam Ta'liq Tambahan.

Rajah 4.3. Isu-Isu Yang Dimasukkan Dalam Ta'liq Tambahan.



Terdapat empat ta'liq tambahan yang telah dikendalikan oleh pegawai berkenaan bersama pasangan sepanjang menjawat jawatan sebagai Pegawai Tadbir Agama Ipoh.⁴⁴ Perincian isu yang dimasukkan dalam ta'liq tambahan ini dapat dilihat dalam rajah 4.3. Kesemua ta'liq tambahan yang dibuat merupakan tuntutan isteri ke atas suami. Tuntutan

⁴⁴ Lihat lampiran L, lampiran temu bual bersama pegawai C.

berkenaan dibuat akibat kegagalan suami dalam menjalankan tanggungjawabnya sebagai ketua keluarga dan keterlibatan suami dengan gejala sosial. Alasan tuntutan berkenaan dibuat dapat dibahagikan seperti berikut:

I. Terlibat Dengan Gejala Sosial.

Terdapat ta'liq tambahan yang pernah dikendalikan oleh pegawai berkenaan di mana isi kandungannya mengandungi tuntutan isteri agar suaminya tidak terlibat dengan gejala sosial. Tuntutan berkenaan dibuat setelah suami terlibat dengan gejala sosial seperti penagihan dadah dan judi. Ini dinyatakan oleh pegawai berkenaan dalam temu bual bersamanya:

“biasanya penagih dadah(suami penagih dadah), suami kaki judi”.

T1P1 (102)

Keterlibatan suami dengan gejala sosial telah memberikan kesan negatif terhadap isteri. Hal ini kerana suami banyak menghabiskan masa dan kewangannya terhadap aktiviti berkenaan sehingga mengabaikan tanggungjawabnya terhadap isteri. Keterlibatan suami dalam gejala sosial merupakan di antara faktor penyumbang kepada pergolakan dalam rumah tangga. Kenyataan ini disokong oleh Ludwig.F. Lowenstein, Wan Ibrahim et.al dan Siti Zalikha Md. Nor yang menjelaskan bahawa suami yang terlibat dengan gejala sosial seperti ketagihan dadah menjadi faktor tercetusnya konflik antara pasangan dan menjadi salah punca terjadinya perceraian.⁴⁵

II. Pengabaian Nafkah Isteri.

Pengabaian nafkah isteri berlaku apabila suami langsung tidak memberikan sebarang nafkah kepada isteri atau nafkah yang diberikan tidak mencukupi bagi memenuhi

⁴⁵Ludwig.F. Lowenstein, “Causes and Associated Features of Divorce as Seen by Recent Research,” *Journal of Divorce & Remarriage* Vol 42(3/4) (2005), 153-171., Wan Ibrahim Wan Ahmad et.al, “Intervensi Iviasalah Sosial Dalam Keluarga Melayu Di Malaysia: Pendekatan Kesedaran Tasawwuf,” *Malaysian Journal of Social Administration* Vol 4, (2007), 59-75., Siti Zalikhah Md. Nor, *Kaunseling Menurut Perspektif Islam* (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2002).

keperluan isteri. Hal ini membawa kepada tuntutan oleh isteri untuk menetapkan kadar nafkahnya dalam jumlah yang tertentu ke atas suami. Pengabaian ini didorong oleh situasi isteri yang bekerja dan mempunyai pendapatan sendiri. Ini dijelaskan oleh pegawai dalam kenyataannya:

“tambah perempuan itu memang bekerja”.

T2P1 (144)

Selain itu, kegagalan suami membayar sewa bulanan bagi tempat tinggal termasuk dalam pengabaian nafkah isteri. Pengabaian nafkah isteri oleh suami merupakan masalah utama yang dihadapi oleh pasangan sepanjang dalam tempoh perkahwinan dan menjadi faktor utama perceraian. Ini diakui oleh Hj Zulkarnain Yusoff et.al, Zulkifli Dahalan dan Raihanah Azahari yang menyatakan faktor ekonomi pasangan iaitu ketidakmampuan suami memenuhi nafkah dan keperluan isteri menjadi faktor utama perceraian.⁴⁶

III. Keganasan Terhadap Anak-Anak.

Keganasan di sini bermaksud tindakan suami yang sering memukul anak apabila timbul konflik di antara pasangan. Tindakan ini dilakukan bagi melepaskan kemarahannya terhadap anak-anak ini ditambah dengan status anak ini sebagai anak tiri. Oleh itu, isteri menuntut agar anaknya dilindungi melalui ta‘liq tambahan. Keadaan ini diakui oleh Rahimah Abdul Aziz dan Khoo et.al yang mendedahkan kanak-kanak terdedah kepada penderaan yang dilakukan oleh ahli keluarga sendiri apabila timbul konflik antara pasangan.⁴⁷

⁴⁶ Hj Zulkarnain Yusoff et.al, *Profil Perceraian Pasangan Islam Di Kelantan Bagi Tahun 2000 Hingga 2004* (Shah Alam: Institut Penyelidikan & Pengkomensilan Univeriti Teknologi Mara, Julai 2006)., Zulkifli Dahalan, “Krisis Rumah Tangga Di Kalangan Pasangan Islam: Kajian Terhadap Kes-Kes Yang Dilaporkan Di Mahkamah Syariah Bukit Mertajam”, *ESTEEM Academic Journal* vol 1, (2003), 59-66., Raihanah Azahari, “Permasalahan Rumah Angga: Kajian Di Unit Undang-Undang Keluarga Jabatan Agama Islam Daerah Petaling, Selangor,” *Jurnal Syariah*, 15:1 (2007),115-128.

⁴⁷Rahimah Abdul Aziz, *Keganasan Keluarga:Gejala Penganiayaan dan Pengabaian Kanak-kanak di Malaysia*,(Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia, 2008),36-64., Kho et al., “Penderaan Fizikal Di

Kesemua isu di atas berkisar kepada perkara yang tidak dinyatakan dalam ta'liq rasmi secara khusus. Tuntutan isteri melalui ta'liq tambahan menunjukkan kegagalan suami dalam menjalankan tanggungjawabnya kepada keluarga. Oleh itu, keperluan penguatkuasaan ta'liq tambahan sebagai pelengkap kepada ta'liq rasmi perlu diberikan perhatian dalam usaha membantu melindungi pasangan terutamanya isteri dari sebarang pengabaian.

4.9. Perlindungan Ta'liq Tambahan Kepada Pasangan.

Kegagalan suami menjalankan tanggungjawabnya terhadap keluarga membawa kepada pembentukan ta'liq tambahan. Pegawai berkenaan bersetuju mengendalikan ta'liq ini kerana pengamalannya bertujuan melindungi hak dan kepentingan pasangan. Perbincangan di sini akan meneliti pandangan pegawai berkenaan dan Hakim Mahkamah Rendah Syariah Ipoh, Tuan Mohamad Esham terhadap perlindungan yang dapat diberikan oleh ta'liq tambahan kepada pasangan.⁴⁸ Antaranya ialah:

I. Peringatan Dan Amaran Kepada Suami.

Tuntutan isteri yang dinyatakan dalam dokumen ta'liq tambahan bertujuan melindungi hak dan kepentingannya. Tuntutan ini merupakan suatu peringatan dan amaran kepada suami agar tidak mengabaikan tanggungjawabnya kepada isteri. Hal ini kerana sebarang pelanggaran ta'liq berkenaan akan memberikan hak kepada isteri untuk mengadu dan memfailkan pelanggaran ta'liq tambahan di mahkamah syariah. Ini dinyatakan oleh pegawai berkenaan:

Kalangan Kanak-Kanak Pada Tahun 1993: Satu Kajian Kes Kawalan Di Hospital Kuala Lumpur,” Buletin Kesihatan Masyarakat, No 2, Bil 2 (1995),28-39.

⁴⁸ Tuan Mohammad Esham Abd Samad (Hakim Mahkamah Rendah Syariah Ipoh), dalam temu bual dengan penulis, 2 Oktober 2012.

“melindungi wanita melalui apa yang kita dah draf dia tak berani buat”.

T1P1 (159)

Tuan Mohamad Esham menjelaskan tuntutan isteri yang dimasukkan dalam ta‘liq tambahan ini bertujuan untuk menguatkan tuntutannya ke atas suami dan melindungi dirinya dari sebarang pengabaian. Ini kerana kesemua haknya dinyatakan dengan jelas dalam dokumen ta‘liq tambahan.

“ta‘liq tambahan itu perlu dibuat supaya isteri ini terbela.Maksudnya ada benda yang boleh dipegang”.

T1P4 (22-23)

Oleh itu, wujud suatu gesaan ke atas suami untuk melaksanakan segala tuntutan yang dimasukkan dalam dokumen berkenaan.Kenyataan ini diakui oleh Hisako Nakamura dan Siti Mustghafiroh.⁴⁹ Mereka menyatakan bahawa pihak suami perlu menghormati dan melaksanakan ta‘liq yang telah dilafazkan oleh suami kepada isteri.Siti Mustaghfiyah menjelaskan ta‘liq yang dilafazkan oleh suami merupakan suatu peringatan ke atas suami agar suami melaksanakan ta‘liq berkenaan dengan sedaya upayanya.⁵⁰

II. Melindungi Isteri Dari Pengucapan Ta‘liq Lisan Yang Melulu.

Pegawai berkenaan menyatakan pelaksanaan ta‘liq tambahan memberikan kebaikan kepada pasangan berbanding pengucapan ta‘liq lisan. Hal ini kerana kandungan ta‘liq lisan lebih memperlihatkan salah guna kuasa talaq oleh suami dan suami sewenang-wenangnya mengucapkan ta‘liq tersebut kepada isteri. Ini dinyatakan dalam temu bual bersamanya:

“Macam salah guna kuasa talaq oleh suami.Ikut suka dia aje”

T1P1 (184-185)

⁴⁹ Hisako Nakamura, *Conditional Divorce in Indonesia* (United States of America :President and Fellows of Harvard College, 2006),6., Siti Mustaghfiyah,” Urgensi Taklik Talak Dalam Perspektif Kyai Kota Malang” (Disertasi Sarjana, Jurusan Al-Ahwal Al-Syakhshiyyah Fakultas Syari’ah Universitas Islam Negeri Maulana Malik Ibrahim Malang, 2010),17.

⁵⁰ Siti Mustaghfiyah, Urgensi Taklik Talak, 90.

Menurut Tuan Mohamad Esham, pelaksanaan ta‘liq tambahan dapat membantu suami mengucapkan ta‘liq dalam keadaan yang lebih bersedia dan memahami ta‘liq yang diucapkannya kepada isteri. Langkah ini dapat melindungi isteri dari pengucapan ta‘liq lisan yang boleh mendatangkan mudarat dirinya.

“kita drafkan ini ianya telah diperiksa maksudya semua pun faham kesan, sifat yang dita‘liqkan itu, apa yang boleh dan apa yang tidak boleh”

T1P4 (460-462)

Pengucapan ta‘liq lisan diakui oleh Raihanah Abdullah, Fadzlina, Nora et al dan Ruzila memudarangkan isteri kerana kebanyakan ta‘liq berkenaan dibuat dalam keadaan tergesa-gesa dan dipengaruhi oleh emosi suami yang tidak stabil.⁵¹ Nora et al dan Fadzlina menjelaskan kebanyakan pengucapan berkenaan dibuat dalam keadaan marah. Oleh itu, suatu suasana harmoni perlu diwujudkan bagi memberi ruang kepada pasangan untuk menyatakan tuntutan mereka. Suasana harmoni berkenaan dapat membuka ruang kepada pasangan untuk memahami tuntutan yang dikemukakan demi kebaikan mereka bersama.

III. Kewujudan Ta‘liq Tambahan Dapat Dibuktikan.

Dokumen ta‘liq tambahan boleh dijadikan bukti apabila berlaku pelanggaran ta‘liq bahkan memudahkan pembuktian di mahkamah syariah. Ini dinyatakan oleh pegawai dalam temubual bersamanya :

“bersetuju bahawa dokumen ini bukti boleh dibawa ke mahkamah untuk memudahkan”.

T2P1 (83-86)

Tuan Mohamad Esham menjelaskan dokumen ini dianggap sebagai bayyinah dan ianya membuktikan suami pernah mengucapkan ta‘liq lain kepada isteri dalam tempoh

⁵¹ Salina Ibrahim, “Taklik Bersepah Sepah,” Majalah al- Islam, Julai 2000, 23-25., Fadzlina, Ta‘liq Agreement, 3., Nora Abdul Hak et al, “Right of Women to Obtain Divorce under Syariah and Islamic Law of Malaysia: with Special Reference of Ta‘liq and Khulu,” *Australian Journal of Basic and Applied Sciences* 11, no.6 (2012), 287., Ruzila, Cerai Taklik, 92.

perkahwinan mereka. Oleh itu, isteri dapat membuktikan kepada mahkamah syariah mengenai kewujudan ta'liq ini kepada mahkamah.

"Bayyinah sahaja yang mengatakan bahawa pihak pernah melakukan ta'liq".

T1P4 (120-121)

Menurut beliau lagi, dokumen yang lengkap membantu mahkamah mempercepatkan proses perbicaraan aduan pelanggaran ta'liq tambahan oleh isteri kerana mahkamah hanya perlu meneliti dan mensabitkan samada pelanggaran ta'liq berkenaan telah berlaku atau tidak seperti dalam perbicaraan pelanggaran ta'liq rasmi. Hal ini kerana mahkamah tidak perlu menghabiskan masa yang panjang dalam mengesahkan samada suami telah melafazkan ta'liq tambahan atau tidak dengan kewujudan dokumen berkenaan.

"kalau buat permohonan cerai ta'liq di Perak ini sekadar satu sahaja kena buktikan iaitu ta'liq itu telah dilanggar atau tidak".

T1P4 (139-141)

Perkara ini disokong oleh Saniah yang menyatakan masalah pengesahan lafaz ta'liq rasmi merupakan di antara faktor kelewatan mahkamah menyelesaikan tuntutan ta'liq pasangan. Beliau menyatakan dalam disertasinya bahawa hanya sepertiga dari keseluruhan kes tuntutan ta'liq dapat diselesaikan di Mahkamah Syariah Kuala Selangor dan Sabak Bernam disebabkan masalah pengesahan lafaz ta'liq berkenaan.⁵²

Tuan Mohamad Esham menyatakan dokumen berkenaan membantu isteri menerangkan kepada mahkamah ta'liq yang diucapkan oleh suami ke atas dirinya dengan jelas tanpa sebarang keraguan terhadap ta'liq berkenaan. Hal ini kerana kesemua lafaz ta'liq berkenaan tercatat dengan jelas dalam dokumen tersebut. Oleh itu, sebarang keraguan yang cuba ditimbulkan terhadap lafaz ta'liq berkenaan tertolak. Mahkamah juga dapat meneliti

⁵²Saniah Saroji, "Tuntutan Taklik dan Permasalahannya dalam Mensabitkan Kes di Mahkamah Syariah Kuala Selangor dan Sabak Bernam" (disertasi sarjana, Universiti Islam Antarabangsa,1998).

ucapan ta‘liq berkenaan dengan baik sebelum menentukan samada ianya mensabitkan talaq atau sebaliknya.

“dia perlu ingat apa bentuk ayat dia, kerana bentuk ayat ini memainkan peranan kerana tidak semua bentuk ayat ini kita boleh terima bulat-bulat”

T1P4 (216-218)

Keraguan lain terhadap maklumat ta‘liq berkenaan seperti tarikh ta‘liq berkenaan dibuat juga dapat ditolak kerana makumat-maklumat yang berkaitan dicatat dalam dokumen berkenaan dengan jelas.

“dapat dijelaskan kalau keraguan itu pada tarikh”

T1P4 (227)

Pembuktian merupakan perkara terpenting dalam mensabitkan pelanggaran ta‘liq di mahkamah syariah. Hal ini diakui oleh Marina dan Wawan Nur Azizi.⁵³ Mereka menjelaskan kewujudan bukti yang kukuh membantu mahkamah mensabitkan pelanggaran ta‘liq.⁵⁴ Oleh itu, kewujudan bukti dalam ta‘liq tambahan membantu isteri meringankan beban pembuktian ke atas dirinya di mahkamah apabila berlaku pelanggaran ta‘liq berkenaan.

IV. Menghalang Dari Berlaku Penganiayaan Berulang.

Pegawai C menjelaskan pembubaran melalui khul‘ dimasukkan dalam dokumen ta‘liq tambahan. Khul‘ dengan bayaran RM 10.00 sabit apabila mahkamah syariah mensabitkan pelanggaran ta‘liq berkenaan. Ini dinyatakan dalam temu bual bersamanya:

selepas berlaku sabitan di mahkamah dan perempuan bayar RM10.00 baru jatuh khul‘.

⁵³ Marina Herwita Haris, “Tinjauan Mengenai Pelanggaran Sighat Taklik Talak Sebagai Alasan Untuk Menggugat Cerai : Studi Putusan Perkara Cerai Gugat Di Pengadilan Agama Tangerang”(Disertasi Sarjana,Universitas Gadjah Mada, Yogyakarta,2014),xii., Wawan Nur Azizi, “Pembuktian Perkara Cerai Gugat Dengan Alasan Perselisihan Dan Pertengkaran Terus Menerus Di Pengadilan Agama Sukoharjo,” *Jurnal Hukum 1, No 3(2013), 226.*

⁵⁴ *Ibid.*

Tuan Mohamad Esham, menjelaskan pembubaran perkahwinan melalui khul‘ yang dimasukkan dalam dokumen berkenaan dapat melindungi isteri dari penganiayaan yang berulang. Hal ini kerana khul‘ termasuk dalam kategori talaq *al-bāin al-ṣughrā* iaitu suami memerlukan akad dan mahar yang baharu untuk merujuk semula dengan isteri. Oleh itu, isteri berhak menolak permohonan ruju‘suami dan menghentikan pengabaian yang berlaku ke atas dirinya.

“diletakkan khul‘ itu,dia jadi talaq bain,tidak berulang penganiayaan”

Beliau turut menjelaskan pembubaran perkahwinan melalui khul‘ juga bertujuan untuk menghalang suami dari menggunakan kuasa ruju‘ yang dimilikinya dengan sewenang-wenang sekiranya pembubaran ini berakhir dengan talaq raj‘i. Ini kerana permintaan ruju‘ tersebut sah dan dikuatkuasakan oleh syarak walaupun isteri tidak bersetuju dengan permintaan ini.

“supaya suami tidak menggunakan kuasanya dengan sewenang- wenangnya dalam meruju‘ isteri”

Pandangan Tuan Mohamad Esham turut disokong oleh Khoiruddin yang menyatakan khul‘ dimasukkan dalam lafaz ta‘liq rasmi bagi melindungi isteri dari pengabaian yang berulang dari suami.⁵⁵

Hasil perbincangan di atas, ta‘liq tambahan mempunyai kebaikan dan melindungi pasangan menerusi dokumen yang telah dibuat. Perlindungan ini memerlukan kepada dokumen ta‘liq yang lengkap serta memenuhi kehendak undang-undang. Tanpanya, isteri terdedah kepada kesukaran dalam proses pembuktian di mahkamah syariah. Pihak berkuasa perlu menyediakan satu format khusus kepada ta‘liq tambahan agar mudah

⁵⁵ Khoiruddin Nasution, “Kekuatan Spiritual Perempuan Dalam Taklik Talak dan Perjanjian Perkawinan” (t.t.p), 6.

diterima oleh pihak mahkamah. Oleh itu pengamalannya wajar dikuatkuasakan secara rasmi dan seragam bagi membantu pasangan yang berhadapan dengan masalah yang tidak dinyatakan dalam ta‘liq rasmi.

4.10. Kesimpulan.

Pembentukan ta‘liq tambahan oleh pasangan disebabkan pengabaian suami terhadap isteri. Pegawai berkenaan bertindak sebagai pemudah cara kepada pasangan dalam membantu mereka merangka draf dokumen ta‘liq tambahan. Pengendalian ta‘liq ini berbeza mengikut situasi pasangan. Dokumen ini disimpan oleh pasangan setelah suami melafazkan keseluruhan isi kandungannya. Menerusi dokumen ini, pasangan mendapat perlindungan terhadap hak dan kepentingannya apabila berlaku pelanggaran ta‘liq. Oleh itu, pengamalannya wajar diberi perhatian oleh pihak berkuasa demi menjaga hak dan kepentingan pasangan.